

# 194 belum pulang

Empat pusat pemindahan sementara banjir masih dibuka



Bayi berusia 2 bulan, Muhammad Iqmal Razi Muhammad Rashid yang turut ditempatkan di pusat pemindahan sementara SMK Seri Mahkota.

■ NORDIANA JOHARI

**JASIN** – Seramai 194 daripada 359 mangsa banjir masih ditempatkan di empat pusat pemindahan sehingga jam 5 petang semalam, melibatkan daerah Melaka Tengah dan Jasin.

Manakala, pusat pemindahan Surau Kampung Permatang dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dang Anum ditutup kira-kira 11 pagi, semalam.

Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka, Mejar Jafri Mohamed berkata, 165 mangsa dibenarkan pulang sejak semalam.

"Bagaimanapun, pusat pemindahan Surau Al Jariah di Solok Bukit Baru menempatkan dua keluarga dengan 12

mangsa.

"Balai Raya Bukit Pulau melibatkan empat keluarga dengan 18 orang mangsa, Pusat Tranformasi Luar Bandar Paya Ikan menempatkan 5 keluarga (20 mangsa) dan SMK Seri Mahkota, 57 keluarga (144 mangsa)," katanya kepada *Sinar Harian* di sini, semalam.

Menurutnya, hujan lebat secara berperingkat sejak empat pagi kelmarin dan berlaku fenomena air pasang besar menyebabkan banjir berlaku di beberapa lokasi di negeri ini.

Sementara itu, salah seorang mangsa banjir, Latipah Mat Yassin, 40, berkata, air naik secara mendadak kerana rumahnya bersebelahan sungai.

"Keadaan saya yang kurang sihat ini menyebabkan

banyak barang tidak dapat diselamatkan.

"Tahun lepas pun banjir tapi rasanya kali ni bertambah teruk," katanya.

Mangsa banjir, Siti Yusof, 57, berkata, sekurang-kurangnya RM10,000 kerugian terpaksa ditanggungnya.

"Air naik sehingga ke paras lutut dan memang barang tidak dapat diselamatkan.

"Nasib baiklah anak saya baru sahaja habis pantang, kalau tak kesianlah terpaksa berpindah di sini," katanya.

Sementara itu, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Md Yunus Husin bersama Adun Serkam, Zaidi Attan turut melawat mangsa banjir di SMK Seri Mahkota, semalam.